

TEKS UCAPAN NAIB CANSOLOR SEMPENA MAJLIS PENYAMPAIAN WATIKAH KEPADA
MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP) SESI 2010/2011 DAN PENGHARGAAN KEPADA
MANTAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP) SESI 2008/2009 PADA 03 FEBRUARI
2010 JAM 9.00 MALAM BERTEMPAT DI DEWAN AUDITORIUM

BISMILLAHHIRAHMANIRRAHIM.

ASSAMUALAIKUM WRT WBKTH DAN SALAM SEJAHTERA

YBHG DATO' PROFESOR DR MOHD NOR BIN HUSAIN

TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)

YBHG. PROF. DR. MOHAMAD KADIM BIN SUAIDI,

TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)

YBHG. PROFESOR DR ZOLKEPLI BIN BUANG,

DEKAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI

YANG DIHORMATI PEGAWAI-PEGAWAI KANAN UNIVERSITI

YANG DIHORMATI

BARISAN KEPIMPINAN MAJLIS PERWAKILAN SESI 2010/2011

YANG DIHORMATI SAUDARA MOHD SAIFUL NIZAM BIN

HUSSAIN

MANTAN YANG DIPERTUA MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR DAN

BARISAN KEPIMPINAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR SESI

2008/2009

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SERTA PARA PELAJAR YANG DIHORMATI SEKALIAN.

ALHAMDULILLAH, BERSYUKUR KEHADRAT ALLAH SWT YANG TELAH MEMBERI KEIZINAN KEPADA KITA UNTUK BERHIMPUN PADA MALAM INI DALAM SUASANA YANG AMAN DAN DAMAI. SELAYAKNYA KITA BERSYUKUR DENGAN NIKMAT YANG TIDAK PUTUS-PUTUS DIKURNIAKAN INI DENGAN PENUH RASA KEHAMBAAAN KEPADA YANG MAHA ESA.

TERLEBIH DAHULU SAYA MENGUCAPKAN JUTAAN TERIMA KASIH KEPADA PEJABAT HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI (HEPA) YANG TELAH SUDI MENGUNDANG SAYA PADA MAJLIS YANG SUNGGUH BERMAKNA INI, IAITU MAJLIS PENYAMPAIAN WATIKAH KEPADA MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP) SESI 2010/2011.

PADA MAJLIS INI KITA JUGA MENJEMPUT MANTAN KEPIMPINAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR SESI 2008/2009 YANG LALU, YANG TELAH DITERAJUI OLEH SAUDARA MOHD SAIFUL NIZAM BIN HUSAIN SEBAGAI YANG DI-PERTUA MPP. UNTUK ITU SAYA MENGAMBIL KESEMPATAN INI MERAKAMKAN JUTAAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA MANTAN-MANTAN MPP YANG TELAH BERKORBAN MASA, IDEA DAN TENAGA BAGI MENJAYAKAN HASRAT, VISI, MISI DAN HARAPAN SELURUH

WARGA UTeM YANG TERDIRI DARIPADA KALANGAN PELAJAR DAN BEGITU JUGA HASRAT PENGURUSAN TERTINGGI UNIVERSITI.

PIHAK UNIVERSITI BERASA TERHARU DAN TERHUTANG BUDI DENGAN KHIDMAT BAKTI YANG TELAH DITUNJUKKAN OLEH ANDA SELAMA INI. SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN SAYA UCAPKAN TERHADAP JASA, USAHA, DAN BAKTI YANG TELAH DICURAHKAN, DAN SEMUANYA INI TIDAK DAPAT DIBAYAR DENGAN NILAI WANG RINGGIT. SEMOGA SEMUA YANG TELAH DUCURAHKAN INI DIBALAS DENGAN KEBERKATAN HIDUP SAUDARA-SAUDARI DI MASA KINI DAN MASA AKAN DATANG.

MENJADI PEMIMPIN PELAJAR BUKANLAH SUATU PERKARA YANG MUDAH. INI KERANA SEBAGAI PELAJAR DAN DALAM MASA YANG SAMA MENJADI KETUA KEPADA PELAJAR MEMERLUKAN KEMAHIRAN SESEORANG UNTUK MEMBAHAGIKAN MASA ANTARA PELAJARAN DAN TANGGUNGJAWAB SEBAGAI PEMIMPIN. KECEKAPAN MENGURUS MASA DAN ILTIZAM BERKORBAN APA SAHAJA DEMI MENJAYAKAN HARAPAN PELAJAR DAN JUGA HARAPAN PIHAK UNIVERSITI ADALAH SESUATU AMAT BESAR UNTUK DITUNAIKAN.

NAMUN BEGITU SAYA PERCAYA PENGALAMAN YANG TELAH ANDA PEROLEHI SEMASA MENJADI EXCO MAJLIS

PERWAKILAN PELAJAR AMAT BERGUNA UNTUK PEMBANGUNAN DIRI DAN SETERUSNYA DIMANFAAT UNTUK KEBAIKAN DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT SETELAH ANDA KEMBALI KEPANGKUAN MASYARAKAT, IAITU SETELAH TAMAT PENGAJIAN NANTI. TIDAK KIRA SAMA ADA PENGALAMAN INI AKAN ANDA GUNAKAN DALAM MASYARAKAT TEMPAT ANDA BEKERJA SEBAGAI KETUA KESATUAN SEKERJA MAHUPUN DALAM ORGANISASI SUKARELA DAN PERSATUAN PENDUDUK.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

SAYA AMAT BERHARAP SUPAYA PENGALAMAN YANG DIPEROLEHI OLEH MANTAN MPP YANG LALU DIKONGSI BERSAMA TERUTAMANYA DALAM MENGENDALIKAN AKTIVITI ATAU ISU DENGAN BARISAN KEPIMPINAN MPP YANG BARU. INI AKAN DAPAT MEMASTIKAN BARISAN MPP SESI 2010/2011 MENDAPAT BIMBINGAN DARIPADA KALANGAN SENIOR SUPAYA MEREKA LEBIH MANTAP, PEKA, OPTIMIS DAN BERKESAN.

JANGAN MENGAMBIL LANGKAH UNTUK MENYEPI DIRI DARIPADA MENYERTAI AKTIVITI-AKTIVITI YANG DIRANCANG OLEH PIHAK UNIVERSITI KERANA BAKTI YANG TELAH ANDA CURAHKAN SEBELUM INI MASIH DIPERLUKAN OLEH PIHAK UNIVERSITI BAGI MENJADIKAN MAHASISWA UTeM LEBIH DINAMIK DAN BERWIBAWA

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

UNTUK MAKLUMAN SEMUA, PROSES PENAMAAN CALON UNTUK PEMILIHAN MPP BAGI SESI KALI INI TELAH DIADAKAN PADA 25 FEBRUARI BERTEMPAT DI PUSAT PERSATUAN PELAJAR DAN BILIK CYBER KAMPUS BANDAR, DARI JAM 9.00 PAGI HINGGA 12 TENGAH HARI. SEHINGGA MASA PENAMAAN CALON DITUTUP, JAWATANKUASA PILIHANRAYA TELAH MENERIMA 37 PENCALONAN SEPERTI BERIKUT:

1. UMUM10 PENCALONAN (8 DIPERLUKAN)
2. FTMK 4 PENCALONAN (3 PERLUKAN)
3. FKE 5 PENCALONAN (3 DIPERLUKAN)
4. FKEKK 7 PENCALONAN (3 DIPERLUKAN)
5. FKM 3 PENCALONAN (3 DIPERLUKAN –MENANG TANPA BERTANDING)
6. FKP 5 PENCALONAN (3 DIPERLUKAN)
7. FPTT 3 PENCALONAN (2 DIPERLUKAN)

KALI INI TELAH BERLAKU PERTANDINGAN DALAM PILIHANRAYA YANG DIADAKAN PADA 28 FEBRUARI LALU. WALAUBAGAIMANAPUN TERDAPAT CALON YANG MENANG TANPA BERTANDING IAITU DI FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL.

PERATUSAN PELAJAR YANG TURUN MENGUNDI MENUNAIKAN TANGGUNGJAWAB PADA KALI INI ADALAH SEBANYAK 62.01% ATAU 3565 ORANG DARIPADA 5749 PELAJAR BERDAFTAR. INI MENUNJUKKAN BAHAWA MAJORITI PELAJAR SEDAR AKAN TANGGUNGJAWAB MEREKA, LEBIH-LEBIH LAGI IA DILAKUKAN SECARA SUKARELA.

SAYA MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA FAKULTI PENGURUSAN TEKNOLOGI DAN TEKNOUSAHAWANN (FPTT) KERANA MENCATATKAN PERATUSAN PELAJAR KELUAR MENGUNDI TERTINGGI IAITU SEBANYAK 100%, MANAKALA FAKULTI LAIN IAITU FTMK (66.42%), FKP (63.10%), FKEKK (61.72%), FKE (61.58%) DAN FKM (52.11%)

PELAJAR TURUN MENGUNDI ADALAH LEBIH BAIK JIKA DIBANDINGKAN DENGAN TAHUN LALU YANG MENCATATKAN PERATUSAN 53.14% (IAITU PENINGKATAN 9% TAHUN INI), DENGAN FAKULTI TERINGGI TURUN MENGUNDI BAGI TAHUN LALU IALAH FKEKK SEBANYAK 64.74% DAN YANG TERENDAH FKE IALAH SEBAYAK 43.17%.

SAYA PERCAYA SEKIRANYA PELAJAR YANG SEDANG MENJALANI LATIHAN INDUSTRI BERPELUANG UNTUK MENGUNDI, JUMLAH KESELURUHAN MENGUNDI PADA TAHUN INI AKAN LEBIH MENINGKAT. ANGKA-ANGKA INI DISEBUTKAN SUPAYA IA MENJADI PENGGALAK KEPADA PELAJAR DAN

PIHAK BERKAITAN UNTUK MENDORONG PENGUNDI
MENUNAIKAN TANGGUNGJAWAB MEREKA.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

TUJUAN PEMILIHAN PELAJAR DIADAKAN IALAH UNTUK
MENDEDAHKAN PELAJAR DENGAN PROSES PEMILIHAN
PEMIMPIN SECARA DEMOKRASI. INI MELIBATKAN CALON-
CALON YANG BERTANDING BERSAING SECARA SIHAT UNTUK
MEMENANGI HATI PENGUNDI DENGAN MANIFESTO MASING-
MASING. IA ADALAH PROSES MENDIDIK PELAJAR UNTUK
MATANG DALAM ARENA POLITIK DAN KEPIMPINAN NEGARA
PADA SUATU HARI NANTI.

UNTUK ITU SAYA MENGUCAPKAN SYABAS DAN TAHNIAH
KEPADA SEMUA YANG TELAH TERPILIH SEBAGAI BARISAN
MPP KALI INI. PADA KALI INI BARISAN MPP JUGA DIWAKILI DARI
PELBAGAI KAUM IAITU DI SAMPING EXCO DARIPADA PELAJAR
MELAYU TERDAPAT JUGA 2 EXCO PELAJAR CINA DAN 1 EXCO
PELAJAR INDIA. SUARA SEMUA KAUM DI UNIVERSITI INI AKAN
DIWAKILI OLEH BARISAN MPP DAN SAYA HARAP BUKAN
PERJUANGAN KAUM YANG DIUTARAKAN TETAPI LEBIH
KEPADA KEPENTINGAN KESELURUHAN PELAJAR. SAYA JUGA
PERCAYA BAHAWA ANDA SEMUA TELAH MEMILIH SEORANG
DARI KALANGAN ANDA SEBAGAI YANG DIPERTUA (YDP) DAN

SAYA HARAP PEMILIHAN YDP INI ADALAH KERANA BAKAT DAN KECENDERUNGANNYA YANG TERBAIK.

BILANGAN PELAJAR PEREMPUAN YANG MENANG PADA PEMILIHAN KALI INI ADALAH SERAMAI 10 ORANG (IAITU 3 UMUM DAN 7 FAKULTI), MANAKALA LELAKI SEBANYAK 15 ORANG (IAITU 5 UMUM DAN 10 FAKULTI). BERBANDING PADA TAHUN LALU, PEREMPUAN 7 SELEBIHNYA LELAKI 15 ORANG. IA ADALAH SATU PENINGKATAN TERHADAP PENAMPILAN PELAJAR WANITA UNTUK BERGIAT DALAM KEPIMPINAN UNIVERSITI. IA JUGA ADALAH SATU SAINGAN YANG SIHAT UNTUK SEMUA PELAJAR DAN SEKALI LAGI JANGAN MENJADIKAN ISU GENDER SEBAGAI PERJUANGAN YANG MUTLAK.

KITA MEMERLUKAN SIKAP KETERBUKAAN UNTUK MEMBERI PELUANG KEPADA SEMUA PELAJAR BERTANDING BAGI MENGANGGOTAI BARISAN EXCO MPP. UNTUK ITU SAYA AMAT BERHARAP SUPAYA KITA BERSIKAP MATANG DALAM MENANGANI ISU-ISU PELAJAR TANPA MENGIRA PERBEZAAN PANDANGAN ATAU KAUM.

TUNAIKAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB ANDA DENGAN PENUH AMANAH DAN DEDIKASI. MANDAT YANG TELAH DIBERIKAN PERLU DIBALAS DENGAN PRESTASI YANG CEMERLANG BERDASARKAN INDIKATOR PETUNJUK PRESTASI

(KPI) YANG TELAH DITETAPKAN. PERJUANGAN ISU-ISU MAHASISWA TIDAK SAHAJA TERHAD DI DALAM UNIVERSITI SAHAJA TETAPI JUGA YANG BERKAITAN DENGAN KEMANUSIAAN, KEMASYARAKATAN DAN DUNIA LUAR.

SEBAGAI PEMIMPIN YANG BERILMU ANDA PERLU MENANGANI SESUATU ISU DENGAN BERHEMAH DAN BERTINDAK DENGAN RASIONAL. JAUHILAH DIRI DARI BERSIKAP EMOSI SEMASA MEMBUAT SESUATU TUNTUTAN ATAU TINDAKAN KERANA IA TIDAK SAHAJA AKAN MEROSAKKAN NAMA ANDA TETAPI JUGA NAMA DAN IMEJ UNIVERSITI.

DALAM KONTEKS DUNIA YANG SEMAKIN GLOBAL, EXCO-EXCO MPP UTeM PERLU PRIHATIN MEMBANGKITKAN ISU-ISU PADA PERINGKAT NASIONAL DAN INTERNASIONAL SECARA BIJAKSANA. ANDA PERLU SENSITIF DENGAN PERKARA-PERKARA YANG BERLAKU DI SEKELILING KITA. TUNJUKKAN BAKAT DAN KEBERANIAN UNTUK MEMBAHAS ATAU MEMBERI PANDANGAN TERHADAP ISU-ISU KEMANUSIAAN DAN SOSIAL SECARA POSITIF, BERTANGGUNGJAWAB DAN BERHEMAH. SESEORANG PEMIMPIN YANG BAIK ADALAH MEREKA YANG DISEGANI KERANA WAWASANNYA BUKAN DITAKUTI KERANA KEPERIBADIANNYA.

PEMIMPIN YANG BAIK TIDAK MENJEBAKKAN ANGGOTANYA DALAM KONFLIK TETAPI MENJADI PENYELESAI KEPADA

MASALAH YANG TIMBUL. PERLU ADA DALAM INGATAN ANDA BAHAWA ANDA ADALAH PENGHUBUNG ANTARA PELAJAR DAN PENTADBIR UNIVERSITI SERTA PEMERINTAH NEGARA. KITA TIDAK BOLEH MENJADI “HERO” KEPADA PELAJAR DALAM SESUATU ISU TETAPI MENGUNDANG MASALAH DARI ASPEK PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN. SEBAGAI PEMIMPIN ANDA PERLU MEMAHAMI SITUASI DAN HARAPAN PENTADBIRAN SERTA CUBA MENYAMPAIKANNYA KEPADA PELAJAR DENGAN CARA YANG TERBAIK SUPAYA KEDUA-DUA PIHAK DAPAT MENGHADAPI APA SAHAJA RINTANGAN SECARA SATU PASUKAN.

AKHIR KATA, SEKALI LAGI SAYA MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA BARISAN KEPIMPINAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP) SESI 2010/2011 YANG DILANTIK. RIBUAN TERIMA KASIH JUGA DIUCAPKAN DI ATAS KERJASAMA YANG TELAH DIBERIKAN OLEH BARISAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP) SESI 2008/2009 YANG SELAMA INI TELAH MENABUR BAKTI DAN KERJASAMA YANG TINGGI DENGAN PIHAK PENGURUSAN UNIVERSITI. SEMOGA KERJASAMA YANG BAIK ANTARA PIHAK PENGURUSAN UNIVERSITI DENGAN MPP INI DAPAT DITERUSKAN DEMI KEBAIKAN UNIVERSITI.

DUA RANGKAP PANTUN DARIPADA SAYA UNTUK MPP BARU

MPP BARU MELANGKAH GAGAH
HASRAT HATI MENABUR JASA
BARISAN MPP TERPILIH SUDAH
SEKALUNG TAHNIAH SEMOGA BERJAYA

MANIFESTO PENAMBAT HATI
POSTER TERGANTUNG DI SANA SINI
TIBA MASANYA MENUNAI JANJI
INGAT SELALU SAYA DI SISI

UNTUK MANTAN MPP

DALAM FACE BOOK PENUH BICARA
PELBAGAI HAL SUDAH DIKATA
JADILAH INSAN PENUH BERJASA
JASAMU DIKENANG SEPANJANG USIA

SEKIAN, WABILLAH TAUFIK WAL HIDAYAH WASSALAMU
'ALAIKUM WARAMATULLAHI WABARAKATUH